

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 Jld.2 (36)
Tarikh : 29 November 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg Datuk / Dato' / Datin / YBras Dr. / Tuan / Puan,

Tuan,

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 7 TAHUN 2023 –
TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2023**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-8/2/9 JLD.2(7) bertarikh 24 November 2023 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2023 rujukan JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.6(1), tarikh akhir bayaran bagi **Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) tahun 2023 adalah pada 15 Disember 2023** atau tarikh akhir yang dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) selepas tarikh tersebut.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2023 untuk perhatian dan rujukan puan. Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan SPANM ini, pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / YBras Dr. / Tuan / Puan boleh mengemukakan pertanyaan tersebut selewat-lewatnya pada **30 November 2023 (Khamis)** melalui pautan di bawah:

<https://forms.gle/3AxHKa8Sctz8bne67>

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**